

## Mangsa kebakaran terima bantuan

Siaran Akhbar dan Foto :  
Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 7 Ogos. - Dalam usaha untuk terus memberikan perhatian dan pemedulian terhadap kebajikan dan kesejahteraan keluarga yang ditimpakan musibah kebakaran rumah di Kampung Saba Tengah, Kampong Ayer pada 4 Ogos 2017 yang lalu, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) menyampaikan bantuan dalam bentuk kewangan kepada mangsa yang terlibat.

Majlis Penyampaian Bantuan Yayasan yang berlangsung di rumah keluarga mangsa beralamat

No.92, Kampung Lupak Luas, Mukim Lumapas dan disempurnakan oleh Pengarah Urusan YSHHB, Dato Paduka Awang Eddie bin Dato Paduka Haji Sunny.

Jumlah keseluruhan bantuan yang disumbangkan oleh Yayasan ialah sebanyak BND16,450.00 yang dihasratkan bagi meringankan beban mangsa untuk terus kembali menjalani kehidupan seharian.

Sebanyak empat buah ketua keluarga yang terlibat dalam kejadian kebakaran tersebut

menerima sumbangan daripada Yayasan. Sumbangan disampaikan kepada ketua-ketua keluarga yang terlibat, iaitu Dayang Norhajijah binti Haji Jais; Dayang Hajah Intan binti Haji Gampal; Awang Haji Mantara bin Haji Jais dan Dayang Rohani binti Haji Jais.

**PENGARAH Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Dato Paduka Awang Eddie bin Dato Paduka Haji Sunny menyampaikan bantuan dalam bentuk kewangan kepada mangsa kebakaran yang terlibat.**



## Wawasan 2035 penting demi masa depan harmoni



TIMBALAN Pengarah, Bahagian Gerak Saraf dan Pengurusan Isu, Jabatan Penerangan Malaysia, Encik Erwin Khairul bin Ahmad bersama rombongan bergambar kenangan bersama para pegawai dari Jabatan Perdana Menteri.

## Peranan Muslimah membentuk generasi soleh dan solehah



**PENSYARAH** Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Dayang Widad binti Haji Abdul Aziz semasa menyampaikan ceramahnya pada sesi Bual Bicara An-Nisa 'Muslimah; Peranan dalam membentuk generasi' yang dipengerusikan oleh Dayang Siti Hurul Ain Diyana binti Haji Abd. Majid @ Vieanna yang juga penceramah yang mendapat kelulusan dari Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB).

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 7 Ogos. - Muslimah atau ibu mempunyai peranan dan tanggungjawab yang amat penting dalam membentuk masyarakat sekeliling tanpa melupakan kewajiban mereka terhadap keluarga.

Wanita bukanlah sekadar berperanan melahirkan, mengasuh atau memelihara anak-anak, akan tetapi agama Islam telah memartabatkan dan menaikkan kedudukan mereka sebagai pendidik pertama bagi anak-anak di rumah dan

pendidik generasi secara keseluruhannya.

Demikian antara yang diutarakan dalam Bual Bicara An-Nisa 'Muslimah; Peranan dalam membentuk generasi' anjuran Kumpulan Belia Syababul Iman yang berlangsung di Masjid Sultan Sharif Ali Sengkong pada 6 Ogos yang lalu.

Penceramah undangan bagi forum tersebut ialah Pensyarah Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**Berita dan Foto : Ihsan Faridah Ibrahim**

(UNISSA), Dr. Dayang Widad binti Haji Abdul Aziz. Sesi bual bicara tersebut telah dipengerusikan oleh Dayang Siti Hurul Ain Diyana binti Haji Abd Majid @ Vieanna yang juga penceramah yang mendapat kelulusan dari Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB).

Bual Bicara itu dibukakan kepada masyarakat umum secara amnya dan para Muslimah di seluruh tanah air khususnya.

Program bual bicara antara lain bertujuan untuk mengimarahkan masjid sebagai pusat pendidikan bagi masyarakat. Di samping menerapkan kefahaman tentang pentingnya pendidikan (ilmu) bagi seorang Muslimah atau ibu terutama dalam membentuk generasi yang soleh dan solehah dan juga mengongsikan langkah-langkah praktikal dalam mengaplikasikan ilmu pengetahuan supaya lebih istiqamah (secara berterusan) kepada masyarakat umum dalam menghadapi cabaran hidup.

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Azmah Haji Ahad

**BERAKAS**, Isnin, 7 Ogos. - Beberapa inisiatif dan perkembangan terkini dapat dilihat ke arah menuju wawasan negara termasuk dalam bidang pendidikan, sumber tenaga manusia, sektor kesihatan, infrastruktur dan peningkatan keberkesan dan produktiviti sektor awam.

Perkara itu antara inti pati dalam Taklimat Wawasan Brunei 2035 yang disampaikan oleh Pegawai-Pegawai Sekretariat Tetap Wawasan Brunei 2035 iaitu Pegawai Pentadbir Tingkat I, Awang Muhd. Aziman bin Haji Awang Nasir dan Pegawai Perhubungan Awam di Jabatan Perdana Menteri, Dayang Athirah Fakhriah binti Haji Awang Yussof.

Taklimat yang diadakan di Ibu Pejabat Jabatan Penerangan juga menerangkan akan kepentingan Wawasan 2035 terutama dalam mengharungi cabaran masa hadapan demi menikmati masa depan yang cerah dan harmoni.

Tiga matlamat wawasan

berkenaan iaitu rakyat berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, kualiti kehidupan rakyat dan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Seramai empat pegawai Program Pertukaran Pegawai Penerangan dan Pegawai Perhubungan Awam Malaysia ke Negara Brunei Darussalam yang diketuai oleh Timbalan Pengarah, Bahagian Gerak Saraf dan Pengurusan Isu, Jabatan Penerangan Malaysia, Encik Erwin Khairul bin Ahmad menghadiri sesi taklimat berkenaan. Rombongan berada di negara ini selama lima hari sehingga 10 Ogos ini.

Pertukaran Pegawai dan Media itu bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengalaman serta berkongsi maklumat tentang peranan dan fungsi masing-masing selaku telinga, mata dan lidah kerajaan kedua-dua negara ke arah memelihara, meningkatkan dan mencemerlangkan imej raja, negara dan kerajaan melalui penyebaran maklumat yang cepat, tepat dan berwibawa.



SESI Taklimat mengenai 'Wawasan 2035' khas untuk Pegawai Penerangan dan Pegawai Perhubungan Awam Malaysia.